☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 2/4/2012
Hari: ISNIN M/S: 21
Ruangan: BISNES

FROM PARIS WITH LOVE
Meraikan Minggu Setiausaha 2012

Dato' Shake, penyanyi bersuara lunak yang dikenali dengan lagu pada awal 80an seperti *Fort et magique, Sorry Sandy, Tu sais je t'aime (You know I love you)*, Umi, Pulanglah, Anugerah dari Kegagalan dan Kau Bungaku serta banyak lagi bakal mengadakan persembahan sempena Minggu Setiausaha pada 21 April 2012 di Hotel Equatorial, Pulau Pinang.

Program anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Persatuan Setiausaha UUM (SETIA) ini turut menampilkan persembahan Juara *One in a Million* 2009, Tomok dan Idayu Akademi Fantasia musim ketiga.

Minggu Setiausaha dengan tema "*From Paris With Love*" ini bertujuan bagi menghargai para setiausaha yang telah melaksanakan tugas dan amanah dengan penuh dedikasi serta profesional demi mencapai objektif dan kecemerlangan organisasi.

Program ini juga diharap dapat memperluaskan jaringan rangkaian hubungan di antara setiausaha di peringkat kebangsaan selain mampu memberi pendedahan kepada golongan ini menikmati persembahan yang hebat dalam suasana yang santai jauh dari kesibukan tugas di pejabat.

Apa yang menarik, selain dihiburkan dengan persembahan artis, para peserta turut berpeluang untuk memenangi pelbagai cabutan bertuah. Tiket-tiket dijual dengan harga RM250 bagi seorang dan RM2,500 untuk semeja bagi 10 orang.

Syarikat korporat dan individu yang berminat untuk menyaksikan persembahan hebat Minggu Setiausaha "*From Paris With Love*" ini bolehlah menghubungi sekretariat, Puan Siti Aizian Ismail di talian 04-9283021/ 019-5740312, Puan Norazlina Mahmud 04-9283001/ 012-4096242, Puan Rahazila Aziz 04-9283201/ 019-4604629 atau Puan Nor Azlina Abdul Hamid 04-9283101/ 012-4725626.